

Rumah terbuka ruang, peluang untuk eratkan semula hubungan, kata Jayum

🕒 April 12, 2024, Jumaat - 3:30pm



JAYUM

KUCHING: Rakyat Malaysia mempunyai banyak peluang bersama dalam keadaan mesra dan mengeratkan lagi silaturahim antara pelbagai etnik, budaya, agama dan bahasa termasuk menerusi konsep rumah terbuka semasa perayaan.

Felo Akademi Sains Malaysia Profesor Datuk Dr Jayum Jawan berkata, konsep rumah terbuka yang hanya diamalkan di negara adalah ruang dan peluang yang amat baik untuk mengeratkan semula hubungan dengan ahli keluarga, kawan dan rakan sekerja serta rakan sekampung.

“Hari Raya yang jatuh pada 10 April adalah tepat digunakan untuk mengembalikan masa dan suasana muhibah di antara orang Islam dan bukan Islam.

“Ini khasnya untuk meredakan keadaan yang agak panas dalam beberapa bulan sebelum ini kerana pelbagai isu yang lantang digunakan untuk tujuan sempit,” katanya menerusi ucapan sempena Hari Raya Aidilfitri di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, Malaysia mungkin di antara negara yang ada banyak perayaan keagamaan dan kebudayaan serta cuti umum perayaan.

Katanya, Hari Raya dan Hari Raya Haji untuk orang Islam, Krismas untuk penganut Kristian, Tahun Baharu Cina untuk Masyarakat Tionghua, Deepavali untuk orang Hindu, Thaipusam untuk orang Tamil, Gawai dan Keamatan untuk Orang Asal Sabah dan Sarawak termasuk Good Friday dan Wesak untuk mereka bepegang kepada kepercayaan Buddha.

Jayum berkata, bagi terus menyediakan negara melahirkan rakyat berbilang etnik, agama, bahasa dan budaya, sistem pendidikan memainkan peranan amat penting.

“Semangat dan jiwa perpaduan dalam kalangan anak muda bakal menjadi pemimpin negara perlu disatukan dalam sistem sosial yang menyatupadukan dan bukan memecahbelahkan.

“Justeru, usaha lebih banyak perlu untuk menyatupadukan anak Semenanjung dengan anak Sabah dan Sarawak.

“Pemimpin dan bakal pemimpin khasnya anak muda Malaysia harus mempelajari semua ini dan mantapkan sejarah negara supaya mereka mampu menjadi pemimpin negara berbilang etnik yang baik dan diterima semua,” tegasnya.

Menurut beliau, Malaysia tidak boleh dipimpin oleh orang keras kepala, mempunyai satu haluan, sempit pandangan dan cetek pemikiran.

Katanya pemimpin seperti ini akan merugikan negara kerana persaingan bukan dalam negara tetapi dengan negara luar dan besar.

“Ahli politik dari semua fahaman dan aliran parti seharusnya mengambil kedudukan tinggi dan mulia sebagai pemimpin negara. Mereka seharusnya memainkan peranan sebagai contoh baik untuk etnik sendiri dan etnik lain,” katanya.